

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	31 MARCH 2015

GST bantu kurangkan beban rakyat

» Pelaksanaan kukuh punca pendapatan negara: PM

Oleh M Hifzuddin Ikhshan dan Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

► Petaling Jaya

Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang akan dilaksanakan mulai esok, berbeza dengan negara lain kerana Malaysia memberi banyak pengecualian bagi meminimumkan beban rakyat, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, tujuan utama adalah membolehkan ekonomi negara menerima rating positif pada peringkat antarabangsa, selain mengukuhkan punca pendapatan negara yang akan disalurkan bagi tujuan pembangunan efektif.

Katanya, esok adalah penentu usaha kerajaan selama bertahun-tahun mengkaji bagaimana dapat melaksanakan GST, selain membuktikan andaian kononnya cukai ini membebaskan adalah tidak tepat.

Berbeza dengan negara lain

"Ada pihak memomokkan GST membebaskan rakyat, tetapi realitinya akan berbeza kerana kita laksanakan dengan kaedah meminimumkan beban rakyat. Ini menunjukkan kerajaan benar-benar berhasrat tidak menyusahkan rakyat.

"Tidak pernah ada negara yang melaksana GST memberi banyak kadar sifar (zero rated) dan banyak pengecualian seperti Malaysia. Senarai barang ini panjang dan kita tambah lagi," katanya



Najib melawat Kompleks Kastam Wilayah Persekutuan, Kelana Jaya, semalam. Yang turut serta, Ahmad Husni (kiri), Ahmad (kanan) // dan Khazali (dua dari kanan).
[FOTO IHSAN KEMENTERIAN KEWANGAN]

pada Majlis Peijumpaan Perdana Menteri Bersama Warga Kastam di Pejabat Kastam Wilayah Persekutuan di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah; Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Maslan; Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar dan Ketua Pengarah Kastam, Datuk Seri Khazali Ahmad.

Najib berkata, pelaksanaan GST dijangka memberi impak positif kepada ekonomi Malaysia dengan agensi antarabangsa bakal memberi rating lebih baik kerana sistem percukaian ini terbukti berjaya di banyak negara maju.

"GST akan menjadi perubahan terbesar dalam sistem percukaian Malaysia. Selepas ini apabila

“**Tidak pernah ada negara melaksana GST memberi banyak kadar sifar (zero rated) dan banyak pengecualian seperti Malaysia**”

Najib Razak,
Perdana Menteri



ada negara mahu melaksanakan sistem percukaian sama, mereka akan merujuk negara ini sebagai kajian kes dan bakal berkata bahawa Malaysia berjaya melaksanakan GST," katanya.

Panduan baharu GST

Sementara itu, KDRM melancarkan empat panduan baharu GST, iaitu Buku Panduan Soalan Lazim (FAQ), Buku Panduan 'Taxpayer Access Point' (TAP), Video Multimedia Kaedah Mengemukakan Penyata GST dan 10 talian Helpdesk GST.

Khazali berkata pelancaran keseluruhan set panduan itu bertujuan memberi penjelasan lanjut kepada masyarakat dan peniaga kerana menjangkakan banyak pertambahan pertanyaan sejourus

sistem itu dilaksanakan esok.

Buku Panduan FAQ mengandungi jawapan bagi soalan lazim GST yang turut dimuat naik di portal GST. Buku Panduan TAP dan Video Multimedia Kaedah Mengemukakan Penyata GST pula panduan mengenai kaedah mengisi dan mengemukakan Borang Penyata GST dan cara membuat pembayaran.

Talian Helpdesk pula disambungkan di semua pejabat Kastam seluruh negeri bagi menjawab sebarang pertanyaan berkaitan GST.

Orang ramai boleh mendapatkan keterangan lanjut mengenai GST dengan melayari www.gst.cust-oms.gov.my atau menghubungi talian 1-300-888-500 / 03-88822608.